

Lengkapkan karangan biografi di bawah dengan pilihan jawapan yang betul.



_____ ialah seorang atlet Malaysia bagi acara _____. Beliau menjadi mencatat sejarah sebagai atlet wanita Malaysia _____ memenangi pingat Olimpik (pingat gangsa) iaitu dalam acara terjunan _____ wanita, dan atlet Malaysia kedua memenangi pingat Olimpik 2012 di _____.

Beliau dilahirkan pada 2 Mac 1993 di sebuah perkampungan Bidayuh di Bau, _____. Beliau mempunyai ketinggian 5 kaki 3 inci dan mempunyai berat 52 kg. Beliau berketurunan _____. Pada usia tujuh tahun, beliau telah dipilih menjadi perenang negeri dan menyambung latihannya di _____ di Kuala Lumpur. Beliau telah menamatkan pengajiannya di Universiti Malaya dalam jurusan _____;

Pandelela membuat penampilan Olimpik pertamanya di Sukan Olimpik Beijing 2008 pada usia _____. Semasa Kejohanan Akuatik Dunia 2009 beliau memenangi pingat gangsa dalam acara terjun platform 10 meter platform bersama Leong Mun

Yee. Beliau juga turut menyertai acara terjun 10 meter platform di Sukan Olimpik Musim Panas 2008 di Beijing, China.

Pada Kejohanan Akuatik Dunia 2013 di Barcelona, Pandeleta dan Mun Yee merangkul pingat gangsa dalam platform serentak 10 meter dengan 331.14 mata.

Di Sukan Olimpik Musim Panas 2016 di Rio de Janeiro, Pandeleta memenangi pingat perak dalam platform serentak 10 meter dengan _____, menjadi pasukan wanita Malaysia pertama yang memenangi pingat perak di Olimpik. Pada Piala Dunia Terjun FINA 2021 di Tokyo, Jepun pula, beliau memenangi pingat emas dalam 10 meter platform individu.

Untuk menghargai pencapaiannya di Sukan Olimpik Musim Panas 2016, Pusat Akuatik Sarawak di Petra Jaya, _____ secara rasminya dinamakan Pusat Akuatik Pandeleta Rinong.